

14 NOV 1997

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA ARAFAT

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar telah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Yasser Arafat sempena Hari Kemerdekaan Palestin hari ini.

Dalam perutusan yang sama kepada Arafat, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan harapan agar Arafat akan meneruskan usaha mencapai kemajuan dan kemakmuran bagi negara dan rakyat Palestin.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Farouk Kaddoumi, berkata Malaysia dan Palestin sememangnya mempunyai hubungan yang erat dan mesra.

"Semoga-moga hubungan dan kerjasama erat ini dipertingkatkan bagi manfaat rakyat kedua-dua negara," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra. -- BERNAMA

HAK RN AKD